

Polis teruskan siasatan kes Adib

**Terima arahan
Pegum Negara,
dua saksi pakar inkues
Adib akan dipanggil**

AHMAD ISMADI ISMAIL

KUALA LUMPUR

Polis Diraja Malaysia telah menerima arahan daripada Pejabat Pegum Negara pada 4 Oktober lalu supaya siasatan kes arwah Muhammad Adib Mohd Kassim diteruskan.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Huzir Mohamed berkata, pihaknya telah membuat temu janji dengan beberapa saksi.

"Seorang saksi akan tampil bagi membantu siasatan berhubung kes tersebut hari ini (semalam)," katanya pada sidang media di Bukit Aman di sini semalam.

Huzir berkata, dua pakar yang memberi keterangan dalam inkues kes Muhammad Adib Mohd Kassim akan dipanggil bagi



Huzir ketika memberi penerangan berhubung kes kematian Muhammad Adib pada sidang media di Bukit Aman semalam.

membantu siasatan.

"Dua individu itu adalah Pensyarah Kanan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Universiti Teknologi Mara (UiTM), Ir Dr Amir Radzi Ab Ghani dan bekas Pakar Perunding Kanan Forensik dan Patologi Hospital Canselor Tuanku Muhriz yang dahulu dikenali sebagai Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM), Prof Dr

Shahrom Abd Wahid," katanya.

Huzir berkata, terdapat tiga insiden utama yang berlaku pada 26 dan 27 November tahun lalu iaitu sekumpulan lelaki menceroboh kuil, insiden kedua adalah sekumpulan lelaki telah menyerang dua buah kenderaan bomba dan insiden ketiga, sekumpulan lelaki telah merusuh di Menara MCT, USJ 25, Putra Height.

"Kita telah menerima 5,178

laporan polis di seluruh negara berhubung tiga insiden itu. Sebanyak 69 kertas siasatan telah dibuka merangkumi pelbagai kesalahan termasuk kes anggota bomba dan penyelamat yang telah meninggal dunia.

"Daripada siasatan kes, seramai 108 orang telah ditangkap, 26 telah dituduh di mahkamah berkaitan tujuh kertas siasatan," katanya.

Menurutnya, daripada tujuh kertas siasatan itu, terdapat beberapa kes yang orang kena tuduh telah mengaku salah dan beberapa kes masih dalam perbicaraan.

Beliau berkata, baki 62 kertas siasatan telah dirujuk ke Pejabat Pendakwa Raya, 50 kertas siasatan 'No Further Action', manakala 12 kertas siasatan masih lagi dalam tindakan.

"12 kertas siasatan itu termasuk kertas siasatan yang melibatkan kematian anggota bomba dan penyelamat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

"Pada mulanya siasatan telah dijalankan mengikut Seksyen 307 Kanun Keseksaan dan apabila mangsa meninggal dunia kertas siasatan telah diklasifikasikan

mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan," katanya.

Huzir berkata, seramai 61 saksi termasuk saksi awam yang dikatakan berada di lokasi kejadian, doktor, polis, jururawat dan lain-lain telah ditemu bual oleh polis bersabit kes 307 Kanun Keseksaan.

Beliau berkata, empat suspek yang dikaitkan dengan kes arwah Muhammad Adib merupakan tangkapan awal mengikut Seksyen 307 Kanun Keseksaan.

"Empat suspek tersebut adalah daripada enam orang yang ditangkap di lokasi kejadian insiden merusuh Menara MCT dan disiasat mengikut Seksyen 147/427 dan 447 Kanun Keseksaan," katanya.

Pada 27 September lalu, Koroner Rofiah Mohamad memutuskan punca kematian Muhammad Adib adalah akibat perbuatan jenayah oleh dua atau lebih individu yang tidak dikenali.

Sepanjang prosiding inkues bermula Februari lalu, seramai 30 saksi termasuk beberapa saksi pakar dan bapa Allahyarham, Mohd Kassim Abdul Hamid dipanggil memberi keterangan dengan 137 bahan bukti dikemukakan.